

Ragam & Pengajaran

Oleh MOHD. SHAH CHE AHMAD

Gambar WAHIDIN SALIM

PASTINYA semua umat Islam menginginkan yang terbaik dalam menunaikan ibadah. Lebih-lebih lagi yang menuntut kepada pengorbanan besar seperti mengerjakan ibadah haji dan umrah.

Setelah memperuntukkan sejumlah wang, masa dan tenaga, jemaah haji dan umrah tentunya berharap dapat menunaikan kewajipan dalam rukun Islam kelima itu tanpa memikirkan sebarang masalah dan kekeliruan.

Sudah tentu mereka meletakkan sepenuh kepercayaan kepada agen haji atau umrah yang diambil untuk membantu memudahkan segala urusan dan persoalan dalam menunaikan ibadah tersebut.

Oleh itu, mutawif atau pembimbing umrah adalah individu yang ditanggungjawabkan memegang kepercayaan jemaah untuk menunaikan ibadah di tanah suci itu dengan lancar.

Malangnya, kepercayaan itu dikatakan semakin berkurangan apabila berlaku sesetengah kejadian yang melibatkan ketidakpuasan hati jemaah terhadap mutawif.

Sebabnya, rata-rata mutawif yang dilantik oleh agen umrah bukan warganegara Malaysia. Ini adakalanya menimbulkan salah faham disebabkan perbezaan bahasa, cara hidup dan juga membabitkan sesetengah hukum yang digunakan dalam menyempurnakan ibadah umrah.

Oleh itu, melahirkan mutawif dalam kalangan warganegara adalah sangat penting dalam memastikan kebajikan



MD. DAUD
CHE NGAH



MUTAWIF merupakan tempat rujukan jemaah umrah terutama dalam hal yang berkaitan hukum dan rukun mengerjakan umrah.

Melahirkan mutawif Malaysia



JEMAAH tidak perlu bimbang memikirkan masalah sepanjang mengerjakan umrah kerana mereka akan dibantu oleh mutawif Malaysia. - Gambar hasan

jemaah umrah yang semakin meningkat dari masa ke masa terus terjaga.

Perkara itu ditekankan oleh Pengurus Besar (Agensi Haji) Lembaga Tabung Haji (LTH), Mat Ad Mara Alang Azzidin ketika berucap pada majlis penutupan kursus Mutawif Andalusia Travel & Tour (ATT) di Dewan Kursus Wisma Andalusia, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Bagaimanapun, beliau menegaskan, para mutawif yang dilantik perlu memegang amanah dan tanggungjawab sebaik mungkin dan ikhlas bagi membantu jemaah menyempurnakan ibadah sepanjang menjalankan tugas.

Katanya, tugas sebagai mutawif bukanlah mudah. Jemaah akan menjadikan mutawif sumber rujukan kerana mereka menganggap mereka arif dalam semua perkara.

"Oleh itu, untuk menjadi mutawif yang berwibawa, kita perlu memberikan khidmat yang terbaik dan menganggap para jemaah yang kita bawa seperti ibu bapa sendiri.

"Bagaimana kita melayan ibu bapa, maka begitulah juga kita perlu berusaha untuk melayan jemaah. Kalau fikir tidak berani menerima hakikat cabaran tugas ini, lebih baik jangan menjadi mutawif," tegasnya.

Pada majlis itu, Mat Ad Mara turut menyampaikan sijil tamat kursus

kepada 34 peserta yang berjaya menamatkan kursus selama dua minggu bermula 3 Januari lalu.

Peserta yang berjaya secara rasmi dilantik sebagai mutawif ATT yang akan membimbing jemaah umrah bermula Februari ini.

Turut hadir pada majlis itu, Pengerusi Eksekutif ATT, Datuk Md. Daud Che Ngah dan Pengarah Urusan ATT, Ibrahim Mat Sin.

Mat Ad Mara turut menasihatkan mutawif supaya membuat persediaan rapi daripada segi mental dan fizikal serta bijak mengendalikan jemaah sebelum memulakan tugas membawa rombongan ke Tanah Suci.

"Perlu diingatkan, jemaah yang kita bawa ini adalah manusia. Jadi, setiap mereka mempunyai pelbagai kerenah dan ragam masing-masing. Oleh itu, sebagai mutawif, kita perlu bijak mengendalikan jemaah mengikut situasi, sekurang-kurangnya membantu menenangkan mereka.

"Persediaan mental dan fizikal juga penting agar kita sentiasa bersedia untuk menghadapi segala ujian yang tidak dijangka mungkin berlaku," tambahnya.

Persediaan rapi

Sementara itu, Md. Daud berkata, pemilihan mutawif ATT bukan proses yang mudah kerana peserta akan diuji dengan pelbagai cabaran.

Bukan sahaja dalam aspek ilmu pengetahuan dan persediaan mental malah ketahanan fizikal juga dititikberatkan dalam memastikan kebolehan diri peserta mengendalikan jemaah umrah dengan baik.

Tambahnya, daripada 120 yang hadir temuduga, hanya 34 layak dipilih meneruskan kursus hingga tamat. Kebanyakan peserta berlatarbelakangkan pengajian agama dan lepasan institusi pengajian tinggi Islam antarabangsa.

Antara modul kursus yang disediakan katanya, termasuk bahasa Arab komunikasi, kepimpinan dan etika keagamaan, pengetahuan sejarah Mekah dan Madinah, pengetahuan hukum hakam berkaitan ibadah umrah dan fiqh serta ketahanan mental dan fizikal.



MAT Ad Mara Alang Azizdin (kiri) menyempahkan sijil kepada seorang peserta kursus Mutawif ATT di Dewan Kursus Wisma Andalusia, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

"Peserta kursus mutawif ATT bukan sahaja diberi tunjuk ajar oleh individu yang berpengalaman dan berpengetahuan luas dalam ilmu agama dan ibadah umrah, malah diberi latihan untuk menguji daya ketahanan dari segi mental dan fizikal mereka.

"Kita juga mendedahkan kepada peserta situasi sebenar mengendalikan jemaah umrah secara menyeluruh agar mereka bersedia menghadapi tugasan yang sebenar.

"Selain itu, peserta dibawa ke sebuah kem aktiviti lasak untuk menguji ketahanan fizikal dan mental mereka menghadapi jemaah," katanya.

Md. Daud berkata, pihaknya mengambil inisiatif menganjurkan kursus tersebut setelah mengambil kira dalam segala aspek pengurusan dan prestasi syarikat, terutamanya kebajikan jemaah.

"Jika sebelum ini, kita banyak

menggunakan khidmat mutawif daripada luar seperti daripada Indonesia. Kebanyakan mereka mempunyai jadual yang telah ditentukan dan pastinya agak sibuk.

"Mutawif tersebut mungkin tidak dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada jemaah yang dibawanya. Ini akan mendatangkan permasalahan apabila jemaah ingin melakukan ibadah tetapi terbatas disebabkan jadual mutawif yang padat," katanya.

Menurut Daud, ATT cuba melahirkan Mutawif Malaysia yang dapat membimbing dan menumpukan sepenuh perhatian kepada jemaah bagi membantu mengerjakan ibadah umrah dengan selesa dan khusyuk.

"Mutawif ini akan bersama rombongan jemaah bermula dari lapangan terbang di Malaysia sehingga tamat mengerjakan umrah dan pulang ke tanah air.

Apa kata mutawif

SAYA berasa bangga kerana terpilih untuk berkhidmat sebagai mutawif di ATT ini. Saya juga berasa gembira dan teruja untuk memulakan tugas membantu jemaah menyempurnakan amalan ibadah.

"Saya berjanji akan memberi khidmat yang terbaik sepanjang bertugas dan bersedia menghadapi segala cabaran yang mendatang nanti."



- MOHD. FIRDAUS AL-AMIN RAZALI, 26, lepasan Institut Darul Mustofa, Hadarul Maut, Yaman,

SAYA memang pernah bercita-cita menjadi seorang mutawif suatu hari

nanti. Sejak di universiti saya sering menjadi pemandu pelancong melawat sekitar Maghribi.

"Sambil mencari rezeki, saya juga dapat memunikan ibadah. Saya akan menggunakan segala pengalaman yang diperolehi untuk diaplikasikan semasa bertugas nanti."

- AZRI AMIN CHE DIN, 27, Lulusan Universiti Maghribi.



SEGALA persiapan dalam segi mental dan fizikal sangat penting untuk mengendalikan rombongan jemaah

umrah.

"Oleh itu, saya sentiasa membuat persediaan rapi dengan mengulangkaji hukum hakam dan ilmu agama untuk memberikan yang terbaik kepada jemaah."



- MOHAMAD MUZAKHIR ZAIDI, 24, Lulusan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).



CERIA... Kumpulan pertama 34 peserta yang berjaya menamatkan kursus Mutawif Andalusia Travel & Tour (ATT) di Dewan Kursus Wisma Andalusia, Kuala Lumpur, baru-baru ini.